

SULIT

Bahasa

Melayu

012

Julai

2017

1 jam 15 minit

BAHASA MELAYU PENULISAN TAHUN 6

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
3. Bagi **Bahagian C**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1** atau **Soalan 2**.
4. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan. Sekiranya helaian kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan kertas jawapan tambahan daripada pengawas peperiksaan. Kertas jawapan tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku soalan.

Kod Pemeriksa :		
Bahagian	No.Soalan	Markah
A		
B		
C		
Jumlah Markah		50

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Bahagian A
 [10 markah]
 (Masa dicadangkan : 15 minit)


Gambar di bawah menunjukkan Cara-cara Menghormati Guru.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang Cara-cara Menghormati Guru tersebut.

Tulis satu ayat yang lengkap bagi setiap gambar.



Cara-cara
Menghormati
Guru



Bahagian A


1 _____

2 _____

3 _____

4 _____

5 _____



Bahagian B*[15 markah]**(Masa dicadangkan : 25 minit)*


Carta pai di bawah menunjukkan maklumat pinjaman buku mengikut tahun dan jenis buku di Sekolah Kebangsaan Seri Murni .

Tulis ulasan tentang maklumat pinjaman buku mengikut tahun dan jenis buku di Sekolah Kebangsaan Seri Murni dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

Maklumat Pinjaman Buku di Perpustakaan Sekolah Kebangsaan Seri Murni**Bilangan Pinjaman Buku di Perpustakaan pada Bulan April 2017**

Tahun 1 : 100 buah
Tahun 2 : 300 buah
Tahun 3 : 350 buah
Tahun 4 : 200 buah
Tahun 5 : 250 buah
Tahun 6 : 300 buah



Bahagian C

[25 markah]

(Masa dicadangkan : 35 minit)

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

Soalan 1

Alam,
Keindahanmu semakin menghilang,
Hasil perbuatan manusia yang rakus,
Tumbuh-tumbuhan semakin layu,
Haiwan pula semakin pupus.

Hargai alam
Marilah kita semua
Menjaga keseluruhan alam ini
Kerana khazanahnya tidak ternilai
Kerana jasanya tidak terungkai,
Tanpa alam, ke manakah hala tuju kita?

Dua rangkap sajak di atas menggambarkan kemusnahan alam sekitar yang dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab.

Berdasarkan sajak di atas, tulis karangan syarahan yang bertajuk "Cara-cara Menjaga Alam Sekitar".

Tulis teks syarahan kamu itu selengkapnya.

ATAU**Soalan 2**

Kamu telah menghadiri suatu majlis perkahwinan.

Ceritakan suasana majlis perkahwinan tersebut.

